

21 JUL 2004

Abdullah-Reaksi

PERMULAAN BARU YANG BAIK DALAM HUBUNGAN AMERIKA-M'SIA

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Pengerusi DAP Lim Kit Siang hari ini menyifatkan pertemuan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Presiden George W. Bush semalam sebagai permulaan baru yang baik ke arah hubungan lebih produktif antara Malaysia dan Amerika Syarikat.

Katanya pertemuan itu juga membuka jalan bagi Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) dan Pergerakan Negera-negara

Berkecuali (NAM) menyampaikan pandangan dua kumpulan itu secara langsung mengenai isu antarabangsa kepada pentadbiran tertinggi Amerika

"Walaupun Amerika dan Malaysia mungkin ada pandangan berbeza mengenai isu Palestin-Israel, mereka mampu membawa isu itu untuk perbincangan,"

katanya kepada Bernama dalam satu perbualan telefon dari Pulau Pinang. Dalam pertemuan itu di Pejabat Oval, White House di Washington, Abdullah dan Bush membincangkan pelbagai isu antarabangsa dan dua hala termasuk memerangi keganasan, situasi di Iraq, isu Palestin-Israel dan perdagangan dua hala.

Lim, yang juga ketua pembangkang di Parlimen, berharap hubungan yang lebih baik antara Amerika dan Malaysia akan menyumbang ke arah peningkatan perdagangan antara kedua-dua negara.

Setiausaha Agung PAS Nasharudin Mat Isa pula berkata Amerika perlu mengubah dasar terhadap Islam dan negara Islam jika mereka mahu memperbaiki imej mereka dari sudut pandangan dunia Islam.

"Amerika harus memisahkan keganasan dengan Islam dan dunia Islam kerana keganasan tidak mewakili Islam dan negara Islam," katanya. Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Taib percaya Bush sekarang telah pun memahami bahawa terdapat kesinambungan oleh Abdullah selepas mengambil alih kuasa dari Tun Dr Mahathir Mohamad dalam menyuarakan pandangan dan aspirasi negara Islam dan negara anggota NAM.

"Sekali jumpa, mereka memahami dengan lebih baik," sambil

menyifatkan
persefahaman baik itu akan menyumbang ke arah dunia yang lebih aman.

Muhammad berkata pertemuan itu membolehkan Bush mendapat
maklumat
langsung mengenai negara Islam, daripada mendapatkannya daripada
sumbernya.

Katanya pertemuan itu membawa manfaat bukan sahaja kepada
Malaysia
tetapi juga OIC dan negara-negara anggota NAM amnya.

-- BERNAMA

JM MFJ DC RON